

## **BAB EMPAT**

### **INTIFADAH DAN PROSES PEMBINAAN PERADABAN PALESTIN**

#### **4.1 Pengenalan**

Semenjak meletusnya Intifadah, ia seringkali dikaitkan dengan kumpulan keganasan serta menghalang proses perdamaian. Namun begitu, Intifadah sebenarnya telah membangkitkan semula perhatian dunia terhadap masalah Palestin setelah penderitaan mereka semakin lari di kalangan masyarakat dunia. Walaupun terdapat pro dan kontra di dalam pelaksanaan keganasan oleh kumpulan Intifadah tetapi ternyata rakyat Palestin tetap meneruskan kegiatan tersebut kerana bagi mereka kezaliman dan keganasan tentera Israel adalah jauh lebih dahsyat lagi. Keadaan ini telah meletakkan kumpulan Intifadah terutamanya daripada aliran Islam sering terkehadapan di dalam mencari penyelesaian menurut cara mereka yang tersendiri bagi mendapat serta membina semula peradaban mereka.

Oleh itu, melalui bab ini penulis akan membincangkan bagaimana bentuk dan pendekatan yang diambil oleh kumpulan Intifadah sehingga ia mendapat sokongan meluas rakyat Palestin walaupun tindakan tersebut sering menjadi perdebatan. Selain itu, turut ditinjau ialah bagaimana pendekatan agama telah menyemarakkan kaum belia rakyat Palestin untuk turut membabitkan diri di dalam kumpulan Intifadah dan tidak terkecuali melihat mengapakah aliran fundamentalis sekular turut bergerak aktif walaupun tanpa motif keagamaan. Akhirnya bab ini

akan membincangkan bagaimanakah serangan berani mati merupakan satu cara yang digunakan oleh rakyat Palestin di dalam usaha mendapat semula peradaban mereka .

#### **4.2 Bentuk Gerakan Intifadah**

Terdapat banyak kumpulan yang menggerakkan Intifadah namun di dalam penulisan ini hanya akan difokuskan enam daripada kumpulan tersebut memandangkan penglibatan mereka yang begitu aktif di dalam menguasai Intifadah sehingga mereka telah dilabel sebagai kumpulan pengganas. Sungguhpun di antaranya terdapat kumpulan yang tidak menjadikan agama sebagai mesej perjuangan namun kumpulan yang menggunakan pendekatan agama ini lebih menonjol.

Selain itu, ternyata tindakan keganasan yang diambil turut membabitkan penglibatan individu yang tidak mewakili mana-mana kumpulan lantaran tidak tahan dengan kekejaman tentera Israel. Keadaan ini menunjukkan selagi adanya keganasan Israel maka selagi itulah Intifadah rakyat Palestin akan berterusan.

##### **4.2.1 HAMAS**

Hamas yang ditubuhkan oleh Syeikh Ahmad Yasin beserta 6 orang pelopor lain adalah akronim daripada Harakat al- Muqawwama al-Islamiya atau Pergerakan Penentangan Islam. Ia merupakan kumpulan aliran Islam yang paling berpengaruh di dalam menggerakkan Intifadah. Malah sejarah penubuhannya yang dikaitkan sejurus selepas Intifadah 1 iaitu pada tahun 1987<sup>1</sup> telah membuktikan betapa giat

keterlibatan Hamas di dalam Intifadah sehinggakan Hamas telah membawa satu dimensi baru di dalam pergerakan menentang Yahudi.

Ini kerana buat pertama kalinya pergerakan Islam menjadi dominan dan terkehadapan di dalam siri penentangan terhadap Yahudi<sup>2</sup> sungguhpun sebelumnya aliran Islam Palestin telah digerakkan oleh Ikhwanul Muslimin yang mana Hamas sendiri adalah cabangnya. Meskipun asas ideologi serta matlamat penghayatan semula Islam yang dibawa Hamas adalah kesinambungan dengan Ikhwanul Muslimin yang ingin meletakkan panji Islam di setiap bumi Palestin tetapi metod dan pendekatan yang diambil oleh kedua-dua kumpulan adalah berbeza. Ini kerana Hamas adalah lebih radikal berbanding Ikhwanul Muslimin yang membuat tindakan pengislaman secara perlahan-lahan ataupun beransur-ansur<sup>3</sup> terlebih dahulu sebelum membebaskan Palestin selain bersifat konservatif, dan tidak melibatkan diri di dalam politik.<sup>4</sup>

Walau bagaimanapun, ternyata Ikhwanul Muslimin yang ditubuhkan oleh Hasan al-Banna pada tahun 1928 di Mesir telah memainkan peranan penting di dalam membantu serta menggerakkan semangat perjuangan rakyat Palestin. Dengan bermatlamat menentang penjajah samada dari segi ketenteraan, ekonomi, politik dan sosial, Ikhwanul Muslimin telah menggunakan pengaruhnya sebagai sebuah kumpulan terbesar dan tersohor untuk meniupkan keyakinan dan roh-roh jihad dikalangan rakyat Palestin dan ahlinya untuk menentang penjajah. Kerana itu, ketika perang pada tahun 1948, kumpulan Ikhwanul Muslimin telah menghantar seramai 10,000 orang ahli dari Mesir, Syria, dan negara-negara lain untuk membantu rakyat Palestin.<sup>5</sup> Malah hubungan dan bantuan Ikhwanul Muslimin

dengan Palestin telahpun bermula semenjak meletus pemberontakan yang dilakukan oleh rakyat Palestin pada tahun 1936.<sup>6</sup>

Keterlibatan dan pengaruh Ikhwanul Muslimin di Palestin yang disebarluaskan melalui masjid-masjid, penubuhan sekolah-sekolah agama, badan-badan amal, kelab-kelab sosial dan sebagainya menjadi semakin bertambah sehingga kumpulan ini berjaya mendapat sokongan yang kuat di universiti-univesiti samada di Tebing Barat mahupun di Semenanjung Gaza.<sup>7</sup> Kecemerlangan ini diteruskan apabila mereka berjaya menggerakkan semangat perjuangan rakyat Palestin yang dikenali dengan Intifadah melalui penubuhan Hamas yang telah membawa pembaharuan di dalam strategi perjuangan Ikhwanul Muslimin.

Hal ini kerana Hamas yang berpegang dengan ideologi fundamental menerusi penolakan kewujudan entiti zionis di Palestin serta berslogarkan Palestin adalah tanah kepunyaan orang Islam telah menggerakkan tindakannya bagi mengusir Yahudi melalui jihad yang di anggap sebagai satu jalan terbaik bagi pencapaian matlamat tersebut.<sup>8</sup> Meskipun kumpulan aliran Islam lain terutamanya Jihad Islam turut berbuat demikian namun ternyata Hamas mendahului kumpulan Islam lain apabila mendapat sokongan yang meluas daripada rakyat Palestin lantaran gerakan Hamas bersifat lebih menyeluruh dengan penglibatan dalam gerakan militan, politik serta sosial.<sup>9</sup> Situasi inilah yang membuatkan Hamas telah mencipta satu transformasi di dalam pergerakan menentang Yahudi terutamanya di dalam Intifadah apabila melancarkan pendekatan radikal bagi menentang Yahudi.

Fenomena jihad dicetus apabila Hamas mengembalikan semula masalah yang sekian lama berlaku di antara Palestin dan Yahudi menurut penyelesaian Islam yang mana Hamas telah menyifatkannya sebagai konflik agama. Ini kerana Hamas melihat kejayaan Israel kerana agama Yahudinya dan kerana itulah mereka ingin menghancurkan Islam. Tragedi yang berlaku ke atas bangsa Palestin dapat diatasi sekiranya mereka kembali kepada Islam.<sup>10</sup>

Perjuangan bersenjata Hamas bertukar menjadi lebih hebat apabila mereka melancarkan perang suci atau operasi syahid dengan serangan berani mati yang mengorbankan diri bersama letupan bom di dalam usaha untuk memerangi tentera Israel sehingga Hamas telah dikecam serta dilabelkan sebagai kumpulan pengganas oleh pihak berkuasa Israel dan Amerika Syarikat semenjak tahun 1996.<sup>11</sup> Namun begitu, ternyata Hamas konsisten dengan strategi perjuangan mereka. Sokongan masyarakat Palestin terhadap Hamas juga meningkat apabila jumlah penyertaan serta keterlibatan rakyat Palestin di dalam operasi Hamas menjadi semakin bertambah terutamanya daripada kalangan belia yang bercita-cita ingin mati syahid.

Kecenderungan serta reaksi tersebut telah menunjukkan matlamat tuntutan agama di dalam melaksanakan jihad dengan pendekatan kekerasan Hamas dapat diterima oleh rakyat Palestin terutamanya setelah kegagalan Perjanjian Oslo. Malahan Fatah yang telah kehilangan sokongan telah mengambil pendekatan yang sama iaitu dengan melancarkan serangan berani mati untuk mendapatkan semula sokongan daripada rakyat Palestin.<sup>12</sup>

Walaupun Hamas telah memenangi populariti di kalangan rakyat Palestin terutamanya selepas kegagalan perjanjian Oslo tetapi hubungannya dengan PA masih berkekalan. Ini kerana Hamas yang berpegang dengan prinsip piagamnya yang menyatakan jihad sebagai satu-satunya cara untuk membebaskan Palestin serta menolak rundingan dan perdamaian di samping menyifatkannya sebagai membuang masa serta tidak akan ada pengiktirafan terhadap Israel,<sup>13</sup> secara tidak langsung membuktikan ia tidak sehaluan dengan PA yang mengambil pendekatan bertolak ansur dengan Israel di dalam Perjanjian Oslo pada tahun 1993. Tetapi ternyata hubungan Hamas dan PA bukanlah sehingga kedua-duanya sanggup untuk menghapuskan di antara satu sama lain.

Melakukan pembunuhan atau kekejaman sesama sendiri sering dilakukan oleh kedua-dua kumpulan tersebut<sup>14</sup> biarpun pihak Israel meminta PA untuk berbuat demikian dengan menghapuskan Hamas dan kumpulan keganasan. Hamas walaupun menentang Perjanjian Oslo tetap memberi peluang kepada Arafat untuk meneruskan usahanya sedangkan mereka meneruskan perjuangan berlandaskan piagam mereka yang tidak akan berubah. Ini kerana bagi Hamas tidak ada penyelesaian terhadap Palestin melainkan jihad.<sup>15</sup> Tanah Palestin menurut mereka adalah tanah waqaf ke atas semua generasi Islam. Mereka tidak dibenarkan untuk mengganti atau memberikannya walaupun sedikit tanah kepada Israel.<sup>16</sup>

Penguasaan Hamas di dalam menggerakkan Intifadah secara berterusan membuktikan kumpulan Islam mampu membawa perubahan terhadap senario politik Israel. Pengaruh Hamas di dalam membangkitkan semangat menentang Yahudi yang berteraskan agama selain karisma serta kepimpinan Hamas yang cepat

bertindak merupakan ancaman terbesar buat Yahudi. Kerana itulah Israel berazam akan membunuh semua anggota Hamas daripada yang serendah-rendahnya sehingga kepada anggota tertinggi kumpulan tersebut.

Walau bagaimanapun Hamas tidak akan berundur serta berikrar perjuangan secara ini tidak akan diberhentikan selagi Israel tidak meninggalkan tanah Palestin dan selagi sebuah negara Islam Palestin tidak terbentuk di kawasan yang diduduki oleh Israel kerana ia merupakan matlamat Hamas.<sup>17</sup> Kerana itu, Sheikh Ahmad Yasin yang merupakan salah seorang pelopor kumpulan ini serta dianggap tokoh spiritual bagi Hamas kerana semangat jihadnya yang begitu tinggi walaupun lumpuh anggota badan serta pernah dipenjarakan oleh pihak Israel selama 18 tahun, tetap bergerak cergas dengan meniupkan roh-roh perjuangan Islam kepada rakyat Palestin walaupun ketika beliau berada di dalam penjara.<sup>18</sup> Antara ingatan Sheikh Ahmad Yasin yang telah menjadi motivasi dan sandaran kumpulan ini untuk terus giat menentang Israel ialah supaya mereka tidak mengubah strategi perjuangan kerana telah membuat perjanjian dengan Allah untuk berjuang sehingga akhir hayat yang ditonjolkan melalui kekerasan. Hal ini kerana dunia hanya memahami erti kekerasan dan sekiranya ia tidak berlaku maka rakyat Palestin akan mati.<sup>19</sup>

Berteraskan perjuangan Islam serta yakin untuk menanti kemenangan yang dijanjikan oleh Allah menyebabkan semangat jihad rakyat Palestin tidak akan padam. Malah ternyata pelaksanakan pendekatan secara radikal untuk membebaskan Palestin menerusi jihad telah menjadikan Hamas lebih militan dan terkehadapan di dalam melancarkan serangan terhadap Yahudi. Kejayaan jihad yang

dianjurkan oleh Hamas bagi menentang Yahudi dibuat setelah kegagalan golongan nasionalis dan ideologi sekular untuk berbuat demikian.

#### **4.2.1.1. Briged ‘Izz al-Din al-Qasam**

Ideologi Hamas yang bermotifkan strategi radikal bagi pembebasan Palestin telah direalisasikan tindakannya melalui kumpulan Briged al-Qasam yang merupakan sayap kiri kumpulan Hamas. Kumpulan yang mendapat nama bersempena dengan nama tokoh pejuang Palestin yang mengetuai pemberontakan pada tahun 1936 iaitu Sheikh ‘Izz al-Din al-Qasam telah diberikan tanggung jawab untuk mengatur pelbagai serangan terhadap Israel setelah dasar pemisahan terhadap organisasi politik, sosial serta gerakan militan dijalankan oleh Hamas. Malah hingga kini Briged al-Qasam telah mejadikan operasi bersenjata Hamas semakin hebat apabila operasi serangan berani mati dengan meletupkan diri untuk membunuh tentera Israel telah banyak dilakukan oleh kumpulan ini. Sungguhpun peratusan serangan pengeboman berani mati masih kecil berbanding dengan kekejaman tentera Israel namun ternyata ia telah berjaya mengorbankan ramai daripada tentera Israel termasuk orang awam.

Keaktifan kumpulan ini melancarkan serangan berani mati dengan jumlah penglibatan yang ramai daripada kalangan belia memberikan kesan ketakutan kepada tentera Israel serta menimbulkan perasaan kegeruan mereka terhadap kegiatan seumpama ini.<sup>20</sup> Ini kerana mereka gagal untuk menyekat kegiatan ini sungguhpun mereka menyerang balas. Keadaan ini terjadi kerana kumpulan Brigade al-Qasam berpegang dengan konsep perang ke atas Israel adalah perang suci dan

kematian mereka disifatkan sebagai syahid yang mendapat ganjaran dari Allah. Bagi anggota Briged al-Qasam melakukan serangan berani mati adalah satu tanggung jawab agama yang perlu dilaksanakan.<sup>21</sup>

Pembabitan golongan belia di dalam melakukan serangan berani mati membuktikan betapa tugas ini tidak menakutkan mereka malah menjadi satu kebanggaan kerana ia hanya diberikan kepada mereka yang terpilih sahaja. Tambahan pula kepimpinan Hamas yang menerajui Brigade al-Qasam terutamanya Dr. Abdul Aziz Rantisi banyak merancang serta menggerakkan aktiviti kumpulan ini dengan melancarkan serangan terhadap Yahudi dan ia merupakan penyebab kejayaan Hamas di dalam bidang militan. Selain itu, membuat tangkapan tentera Israel melalui operasi penculikan yang kemudian dijadikan alat penawaran merupakan salah satu tindakan cerdik Dr. Abdul Aziz. Malah beliau juga terlibat di dalam usaha untuk melatih rekrut dan menjalankan operasi keganasan bagi penduduk Arab Israel.<sup>22</sup>

Walaupun gelaran pengganas telah dilabelkan oleh kerajaan Amerika Syarikat terhadap kumpulan Hamas<sup>23</sup> terutamanya pembabitan Briged al-Qasam di dalam serangan keganasan tetapi ia tidak berjaya untuk menghentikan kegiatan tersebut. Amerika kemudiannya telah meletakkan beban kepada Arafat selaku pemerintah Palestin bagi menghapuskan keganasan tetapi Arafat pula dituduh bertindak sebagai *double game* dengan menangkap pengganas tersebut tetapi kemudian membebaskan mereka. Keadaan ini jugalah yang menyebabkan mengapa kerajaan Amerika begitu bersungguh-sungguh untuk menggantikan Arafat sebagai pemimpin Palestin.<sup>24</sup>

Sungguhpun pelbagai tekanan diberikan oleh pihak Israel kepada Hamas namun mereka akan terus menjalankan aktiviti keganasan selagi Israel masih belum berjaya diusir. Ternyata betapa aktiviti Hamas terutamanya pembabitan Briged al-Qassam di dalam melakukan serangan keganasan telah berjaya menimbulkan suasana kekalutan kepada tentera Israel .

#### **4.2.2 JIHAD ISLAM**

Jihad Islam yang ditubuhkan pada tahun 1980 oleh Fathi al-Shaqaqi dan Abd. Aziz Audah adalah merupakan pertubuhan pertama di dalam menggabungkan idea perjuangan bercorak agama dengan semangat nasionalisme serta merupakan pelopor kepada serangan keganasan daripada aliran Islam yang dilakukan semenjak sebelum Intifadah lagi. Kerana itu, Jihad Islam yang pada mulanya menjadi sebahagian dari ahli kumpulan Ikhwanul Muslimin telah menarik diri dari kumpulan tersebut akibat tidak setuju dengan strategi yang dibawa oleh Ikhwanul Muslimin yang inginkan perubahan Islam di dalam masyarakat terlebih dahulu sebelum tertegaknya negara Islam Palestin sedangkan Jihad Islam mahukan supaya negara Palestin terlaksana melalui perjuangan bersenjata.<sup>25</sup>

Perbezaan pegangan inilah yang menjadi punca di atas penubuhan Jihad Islam dimana penubuhannya menggabungkan di antara kepercayaan dengan tindakan jihad berbanding dengan kumpulan Ikhwanul Muslimin yang ketika itu merupakan penggerak kesatuan Islam yang mengambil dasar kepercayaan semata-mata.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun, ternyata pembabitan Jihad Islam sehingga sekarang

lebih tertumpu kepada melancarkan perjuangan bersenjata dan tidak seperti Hamas yang turut melibatkan diri di dalam politik serta struktur sosial. Keadaan ini menjadi sebab mengapa pertubuhan serta keahlian anggotanya jauh lebih kecil berbanding Hamas walaupun penubuhannya terdahulu daripada Hamas.<sup>27</sup>

Pengekalan metod perjuangan bersenjata Jihad Islam semenjak dari penubuhannya sehingga sekarang bagi mengusir Yahudi serta tidak menerima perdamaian yang ditawarkan menjadikan ia sebuah kumpulan Islam radikal selain digelar pengganas. Tuduhan tersebut sememangnya tidak memberi kesan kepada mana-mana kumpulan aliran Islam termasuk Jihad Islam yang berpegang dengan doktrin satu-satunya cara untuk menghalau keluar Israel dari Tebing Barat dan Gaza ialah melalui jihad.<sup>28</sup>

Bagi Jihad Islam, sekiranya hendak membebaskan Palestin maka jihad tidak dapat ditangguhkan. Oleh sebab itu, pemfokusan Jihad Islam adalah tertumpu kepada perjuangan bersenjata bagi melawan penguasaan Israel.<sup>29</sup> Mereka sudah tidak mempunyai pilihan lain kerana rundingan perdamaian melambangkan pengakuan sahnya penguasaan Israel selain mengabaikan rakyat Palestin yang tidak bernegara dan tidak beridentiti.<sup>30</sup>

Walaupun jumlah keanggotannya jauh lebih kecil berbanding Hamas namun penglibatannya tetap setanding dengan Hamas apabila banyak melancarkan serangan berani mati yang disifatkan sebagai perang suci bagi pembebasan Palestin. Serangan yang dilakukan kumpulan Jihad Islam bukanlah semata-mata untuk menuntut bela atau tindakbalas di atas jenayah serta kekejaman Yahudi tetapi yang lebih penting

ialah apabila mereka dapat mati syahid. Justeru, serangan berbentuk ini diteruskan oleh kumpulan Jihad Islam kerana ia bertujuan untuk menakutkan setiap Zionis dan membuatkan mereka merasa Palestin tidak selamat untuk setiap Yahudi diam.<sup>31</sup>

Selain itu, di dalam menjayakan misinya, Jihad Islam telah berjaya memanfaatkan hubungannya dengan Iran apabila ia mendapat bantuan kewangan dan latihan ketenteraan daripada negara tersebut.<sup>32</sup> Jihad Islam juga turut mempunyai hubungan dengan kumpulan Hizbullah yang ditubuhkan oleh Iran di Lubnan. Sebenarnya, hubungan di antara Jihad Islam dan Iran sudah lama terjalin iaitu semenjak awal penubuhan Jihad Islam lagi memandangkan Jihad Islam mengambil Iran sebagai model perjuangan serta menyerap sebahagian daripada ideologi yang dibawa oleh Khomeini di dalam perjuangannya. Malah Jihad Islam merupakan satu-satunya pertubuhan yang berjaya merealisasikan revolusi Iran setelah negara Arab lain yang berfahaman sunni gagal untuk berbuat demikian.<sup>33</sup>

Melalui polisi Jihad Islam, ternyata ia menjadi sebab mengapa Jihad Islam tidak dapat bekerjasama dengan PLO kecuali dengan pertubuhan Fatah yang berorientasikan Islam pada awal kemunculannya. Jihad Islam tidak bersetuju dengan orientasi sekular yang terdapat di dalam cabang PLO terutamanya yang melibatkan kepercayaan Marxist. Malah cita-cita penubuhan sebuah negara sekular demokratik di dalam PLO berlawanan dengan matlamat Jihad Islam selain mengecam polisi PLO yang berpihak kepada Iraq di dalam perperangan Iran dan Iraq. Bagi Jihad Islam, Iran adalah sebuah negara Islam dan perperangan tersebut adalah satu penindasan terhadap negara yang merupakan pengkalan utama Islam.<sup>34</sup> Walau

bagaimanapun seperti juga Hamas, Jihad Islam mengelak daripada berlakunya pertelingkahan dengan pergerakan kumpulan lain samada sekular atau Islam.<sup>35</sup>

#### **4.2.3 FATAH**

Fatah adalah keterbalikan daripada akronim Harakat al-Tahrir al-Watani al-Filastini atau Pergerakan Pembebasan Kebangsaan Palestin dan merupakan kumpulan terbesar di dalam PLO. Ia juga adalah di antara parti terawal yang ditubuhkan di Palestin oleh Yasir Arafat iaitu pada tahun 1957.<sup>36</sup> Fatah yang turut bermaksud kemenangan telah banyak melancarkan aksi-aksi serangan terhadap Israel pada tahun 1960-an di luar kawasan Palestin seperti di Jordan dan Lubnan. Malah pendekatan PLO yang ditubuhkan pada tahun 1964 turut sejajar dengan Fatah apabila bergerak aktif dengan melancarkan serangan keganasan terhadap Israel memandangkan kepimpinan PLO pada tahun 1969 dikuasai oleh Yasir Arafat yang merupakan pemimpin bagi kumpulan Fatah.

Walaupun Fatah begitu sinonim dengan PLO tetapi ketika polisi PLO yang mengadakan rundingan Perdamaian Oslo dengan Israel serta menjanjikan penubuhan 2 buah negara sebagai penyelesaian konflik, Fatah menyatakan ketidaksefahamannya kerana Fatah menuntut penubuhan sebuah negara Palestin termasuk bagi kawasan yang diduduki oleh Israel.<sup>37</sup> Dengan itu, meskipun menyokong penubuhan sebuah negara Palestin yang sekular dan demokratik seperti yang diperjuangkan oleh PLO, Fatah telah kembali aktif dengan melancarkan serangan keganasan terhadap Israel.

Meskipun metod kekerasan Fatah adalah sama dengan kumpulan Islam namun ternyata tuntutan penubuhan kawasan Palestin dan bentuk negara yang diinginkan adalah berlainan. Tuntutan Fatah ke atas Palestin hanya melibatkan Semenanjung Gaza, Tebing Barat dan Timur Baitulmaqdis dengan negara yang bersifat sekular demokratik manakala kumpulan aliran Islam pula menuntut penubuhan Palestin sebagai sebuah negara Islam yang meliputi dari kawasan Sungai Jordan hingga Laut Mediterranean. Keadaan ini menunjukkan matlamat perjuangan mereka adalah berbeza meskipun asas perjuangan kedua-duanya adalah sama iaitu untuk membebaskan negara Palestin. Dan sehingga kini Fatah semakin hebat melakukan serangan keganasan melalui penubuhan sayap kirinya iaitu Tanzim dan Briged al Aqsa yang bertanggung jawab menjalankan misi perjuangan bersenjatanya.

#### **4.2.3.1 Tanzim**

Sebenarnya penyataan rasmi bagi penubuhan Tanzim atau Organisasi yang dibuat oleh Yassier Arafat dan kepimpinan Fatah yang lain bukannya sebagai sebuah pertubuhan militan tetapi sebaliknya bertujuan untuk mencapai objektif politik dan sosial Fatah di mana Tanzim telah ditugaskan untuk memperluaskan keanggotaan serta keahlian di dalam Fatah bagi menjadikan Fatah sebagai sebuah pertubuhan yang terbesar dan menguasai PA. Walau bagaimanapun hal ini tidak berlaku apabila Tanzim telah beroperasi sebagai pertubuhan bersenjata Fatah dan melaksanakan perintah serta arahan Fatah melalui aktiviti tersebut.<sup>38</sup> Keadaan ini telah menjadikan Tanzim sebagai alat untuk mencapai objektif politik Fatah setelah kegagalan kepimpinan mereka untuk berbuat demikian melalui hubungan diplomatik.

Tanzim yang ditubuhkan pada tahun 1995 adalah peneraju utama Fatah di dalam Intifadah. Malah pendekatan Tanzim di dalam Intifadah adalah seperti gerakan kumpulan Islam lain yang menentang perundingan dengan Israel,<sup>39</sup> mempertahankan perjuangan bersenjata serta tidak ada kompromi di dalam proses perdamaian.<sup>40</sup> Walaupun situasi sebegini telah meletakkan Tanzim sebagai sebuah pertubuhan militan yang aktif di dalam melancarkan serangan gerila terhadap Israel tetapi ia berlainan dengan kumpulan aliran Islam dimana Tanzim menyokong ideologi nasionalis yang dibawa oleh kepimpinan Fatah berbanding dengan kumpulan Islam yang meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan. Selain itu, Tanzim juga turut melatih generasi muda untuk bersifat nasional serta membabitkan diri di dalam politik dan operasi militan Fatah dengan mengadakan demonstrasi dan sebagainya.<sup>41</sup>

Keaktifan pembabitan Tanzim di dalam Intifadah yang setara dengan Hamas dan Jihad Islam di dalam melancarkan serangan terhadap Israel termasuk membabitkan golongan wanita dan kanak-kanak<sup>42</sup> telah membuktikan matlamat PA menubuhkan Tanzim tercapai. Hal ini kerana Tanzim ditubuhkan oleh PA bagi mengimbangi pergerakan kumpulan Islam yang bergiat cergas di dalam Intifadah dan ternyata Tanzim juga turut berjaya berbuat demikian. Walau bagaimanapun Tanzim sebenarnya mempunyai hubungan yang baik dengan kumpulan Islam dan pernah bergabung bersama di bawah kepimpinan Marwan Bargouti bagi menjayakan pengusiran Israel. Malah mereka yang mendesak PA supaya membebaskan aktivitis Hamas yang dipenjarakan apabila ditangkap kerana melakukan aktiviti keganasan terhadap Israel<sup>43</sup>

Ternyata penubuhan Tanzim yang mendapat sokongan serta tajaan kewangan daripada Yassier Arafat selaku Pengerusi PA telah memberi kelebihan tidak hanya kepada kumpulan tersebut dengan pembekalan senjata, serta lainnya malah kepada pihak Arafat sendiri. Ini kerana sungguhpun Tanzim mempunyai hubungan dengan PA namun bentuk hubungan tersebut kurang jelas. Keadaan ini membolehkan Arafat mengekalkan polisi “*talking and shooting*” pada waktu yang sama.<sup>44</sup> Oleh itu, beliau dapat melepaskan diri sekiranya dituduh terlibat dengan aktiviti keganasan kerana keganasan tercetus adalah daripada sentimen popular rakyat Palestin.<sup>45</sup>

#### **4.2.3.2 Brigade al-Aqsa**

Brigade al-Aqsa yang mendapat nama dan ditubuhkan sejurus selepas berlakunya Intifadah al-Aqsa.<sup>46</sup> adalah merupakan sebuah kumpulan yang aktif di dalam melancarkan serangan berani mati selain daripada kumpulan Hamas dan Jihad Islam. Walau bagaimanapun berbanding dengan kumpulan fundamentalis Islam, ternyata Brigade al-Aqsa yang merupakan sebuah pertubuhan nasionalis sekular tidak mempunyai agenda agama serta tidak berhasrat untuk menjadikan Palestin sebagai sebuah negara Islam seperti kumpulan aliran Islam, tetapi sebaliknya hanya menggunakan Islam sebagai inspirasi di dalam perjuangan bagi mendapat kemerdekaan Palestin.<sup>47</sup>

Walaupun Brigade al -Aqsa mengikut jejak kumpulan aliran Islam dengan aktif di dalam melancarkan serangan berani mati namun Brigade al-Aqsa merupakan kumpulan pertama yang menggunakan wanita untuk melancarkan serangan berani

mati.<sup>48</sup> Walau bagaimanapun penggunaan wanita di dalam serangan berani mati bukanlah satu perkara yang baru kerana kumpulan Hizbullah turut menggunakan pendekatan tersebut. Keadaan ini jugalah yang menyebabkan mengapa Brigade al-Aqsa menjadikan Hizbullah sebagai kumpulan inspirasi.<sup>49</sup>

Bagi Brigade al-Aqsa keganasan yang dilakukan oleh Israel mestilah dibalas dengan keganasan dan sudah tidak ada cara lain bagi menentang Israel. Malah mereka berpandangan perjuangan bersenjata merupakan satu-satunya cara untuk membebaskan Palestin di mana mereka berharap dapat menyingkirkan Israel secara kekerasan di Tebing Barat dan Gaza.<sup>50</sup> Keganasan yang ditonjolkan bukanlah bermaksud mereka suka membunuh tetapi kerana mempertahankan hak dan tanah mereka. Oleh yang demikian, peningkatan serangan yang dilakukan terutamanya di dalam tahun 2000 dan 2001 merupakan satu usaha berterusan bagi Brigade untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan di samping mengambil pendekatan kerjasama mengenai polisi serangan, penukaran maklumat, pembelian serta pemindahan senjata dengan kumpulan aliran Islam seperti Hamas dan Jihad Islam serta PFLP.<sup>51</sup> Ternyata pembabitan Briged al-Aqsa di dalam serangan keganasan telah menyemarakkan Intifadah sehingga kumpulan ini telah mengatasi Hamas di dalam jumlah pembunuhan terhadap Israel pada tahun 2002.<sup>52</sup>

Seperti juga Tanzim, kumpulan ini turut bergerak dengan arahan dan kesetiaan kepada Arafat. Dengan ini ia menjadi sebab mengapa pihak PA tidak berbuat sesuatu untuk menekan atau menghentikan serangan keganasan samada dari Brigade al-Aqsa atau Tanzim tetapi sebaliknya hanya memberi kutukan dan kecaman. Malah sebenarnya Tanzim dan Brigade Al-Aqsa adalah saling berkaitan

memandangkan pimpinan Tanzim iaitu Marwan Barghouti turut menjadi pengasas kepada Brigade Al-Aqsa. Oleh yang demikian, Brigade al-Aqsa juga seringkali disebut sebagai cabang dari Tanzim.<sup>53</sup> Namun begitu, Brigade al-Aqsa lebih banyak terlibat dengan aktiviti serangan berani mati berbanding Tanzim memandangkan Brigade ini ditubuhkan terkemudian dari Tanzim dan ketika Yassir Arafat sendiri telah melancarkan jihad kepada Israel. Manakala penubuhan Tanzim pula adalah di dalam keadaan Arafat mengakui kewujudan Israel.<sup>54</sup>

#### 4.2.4 PFLP

PFLP atau Popular Front for the Liberation of Palestine ditubuhkan pada tahun 1967 oleh George Habash yang merupakan seorang penganut Kristian. Kumpulan ini berpegang pada ideologi Marxist<sup>55</sup> dan menjadikannya sebagai panduan untuk bertindak di dalam merealisasikan matlamat penubuhan PFLP yang ingin membebaskan Palestin dan menjadikannya sebagai sebuah negara demokratik sosialis. PFLP juga turut menggambarkan kumpulan mereka adalah pelopor daripada kumpulan pekerja bagi pembebasan Palestin.<sup>56</sup>

Di dalam merealisasikan matlamat mereka, kumpulan ini telah banyak melakukan aktiviti keganasan dan ia terhenti buat seketika apabila berlakunya Perjanjian Oslo. Walau bagaimanapun aktiviti keganasan telah dihidupkan semula setelah Intifadah II terletus dan ia semakin meningkat apabila terbunuhnya setiausaha umum kumpulan ini iaitu Abu Ali Mustafa pada 27 Ogos 2001.<sup>57</sup> Sungguhpun begitu, keganasan ini bukanlah perkara baru kepada PFLP kerana kumpulan inilah yang memulakan aktiviti keganasan bagi memenangi perhatian

terhadap sesuatu sebab.<sup>58</sup> Penubuhan sayap kiri kumpulan ini iaitu Brigade Abu Ali Mustafa menjadikan aktivitinya bertambah radikal kerana kumpulan ini banyak melancarkan serangan berani mati yang dilakukan bukan untuk bersaing dengan kumpulan lain tetapi sebagai satu-satunya jalan penyingkiran Yahudi dan penubuhan sebuah negara Palestin.

Pembabitan PFLP di dalam Intifadah secara tidak langsung telah membuktikan kebangkitan rakyat Palestin untuk menentang Israel bukannya semata-mata di atas dasar agama yang mengaitkannya dengan jihad. Malah apa yang jelas, kumpulan yang pernah mencipta sejarah di dalam membuat rampasan kapal terbang serta melakukan serangan keganasan di luar negara ini melakukan keganasan sebagai membalas apa yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin. Mereka juga optimis serangan bersenjata mempunyai harapan untuk mencapai kebebasan dan kemerdekaan di sebahagian tempat di Palestin memandangkan penglibatannya kali ini menyeluruh dengan pembabitan semua rakyat Palestin termasuk wanita dan kanak-kanak.<sup>59</sup>

Sungguhpun matlamat utama pembebasan Palestin bagi kumpulan PFLP ialah menubuhkan sebuah negara Palestin yang bersifat demokratik dengan persamaan terhadap semua kelas dan bangsa di samping menerima matlamat kumpulan sekular lain terutamanya di pihak PA namun ini bukan bermakna PFLP bersetuju dengan rundingan perdamaian Oslo yang ditaja oleh PLO. PFLP sebenarnya tidak membantah sekiranya rundingan perdamaian diadakan dengan Israel bagi mencari penyelesaian. Malahan mereka melihat strategi yang harus digunakan bagi mencapai matlamat pembebasan Palestin serta pengembalian semula

pelarian adalah melalui perjuangan politik, perjuangan bukan keganasan di samping perjuangan bersenjata.<sup>60</sup>

Walau bagaimanapun mereka tidak dapat menerima perjanjian perdamaian dengan Israel di dalam Oslo kerana ia tidak melambangkan perjanjian perdamaian sebaliknya merupakan satu langkah keselamatan daripada Israel berdasarkan syarat yang dikenakan kepada kepada pihak Palestin<sup>61</sup> Kerana itu mereka telah bertindak keluar dari menganggotai PLO yang ketika itu menerima perdamaian dengan Israel di dalam perjanjian Oslo pada tahun 1993. Dan nyatanya kerugian yang didapati daripada pihak Palestin di dalam Oslo adalah lebih besar daripada keuntungan yang dicapai.<sup>62</sup>

Kegagalan di dalam rundingan perdamaian seumpama inilah yang menyebabkan PFLP berpegang bahawa mereka akan terus menghidupkan Intifadah dan mengaktifkan penentangan sehingga Israel keluar dari bumi Palestin serta sebuah negara Palestin yang merdeka dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara terbentuk.<sup>63</sup>

#### **4.3 Proses Pembinaan Peradaban Melalui Intifadah**

##### **4.3.1 Serangan Berani Mati Serta Dorongannya**

Sungguhpun proses pembinaan peradaban Palestin telahpun dilakukan semenjak ia jatuh ke tangan Israel dan menjadi bertambah giat dengan perletusan semula Intifadah setelah kegagalan rundingan perdamaian Oslo, namun kali ini penentangan rakyat Palestin telah memasuki satu fasa baru di mana perjuangannya menjadi lebih

hebat daripada pertempuran terdahulu apabila bermodalkan manusia sebagai senjata. Keadaan ini sudah cukup untuk menimbulkan kebimbangan di kalangan tentera Israel dan masyarakatnya kerana ia agak sukar untuk dikesan. Malah perjuangan yang digelar dengan serangan berani mati ini semakin mendapat tempat dan sokongan di hati rakyat Palestin.

Walaupun penglibatan berani mati dikaitkan dengan faktor keagamaan tetapi faktor tersebut bukanlah satu-satunya sebab untuk rakyat Palestin berbuat demikian memandangkan golongan sekular turut membabitkan diri di dalam aktiviti tersebut. Ini membuktikan betapa rakyat Palestin nekad dan sanggup untuk berbuat apa sahaja demi untuk mendapatkan semula hak mereka. Ia juga menunjukkan bahawa mereka betul-betul kecewa setelah mencuba pelbagai pendekatan bermula dengan perjuangan nasionalisme Arab sehingga kepadanya jalan perundingan tetapi nasib mereka belum berubah. Oleh itu, serangan berani mati adalah senjata terbaru setelah dunia tidak mampu untuk menolong mereka dan ia merupakan satu proses bagi rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali hak mereka yang hilang

#### **4.3.1.1 Jihad**

Senario menggunakan jihad di dalam peperangan di Palestin sebenarnya bukanlah satu perkara yang baru memandangkan ketika pemberontakan pada tahun 1936, konsep jihad turut dipegang oleh Syeikh 'Izz al-Din al-Qasam yang mengetuai pemberontakan rakyat Palestin menentang British. Bezanya situasi hari ini telah memperlihatkan rakyat Palestin berjihad dengan menggunakan pendekatan serangan

berani mati bagi mengakhiri pendudukan Israel dan ia digerakkan secara aktif oleh kumpulan Hamas dan Jihad Islam.

Tindakan jihad yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan ini adalah bersandarkan kepada pegangan bahawa Israel adalah sebuah negara yang mencakupi sifat sebagai Dar al-Harb (negara kafir yang diperangi). Dar al-Harb yang diertikan sebagai sebuah kawasan yang bukan berada di bawah pemerintahan Islam dan bermusuhan dengan orang Islam serta merbahaya bagi kebebasan dan keselamatan umat Islam<sup>64</sup> amat bertepatan sekiranya dirujuk kepada Israel. Ini kerana, selain mensyirikkan Allah, negara tersebut banyak melakukan kezaliman dan kekejaman terhadap penduduk Palestin seperti membunuh, merampas tanah , menghalau keluar rakyat Palestin dan pelbagai bentuk keganasan yang lain. Kerana itu kumpulan aliran Islam Palestin menggunakan kaedah jihad ke atas Israel. Malah sekiranya diteliti, ternyata konsep jihad yang dipegang oleh golongan aliran Islam Palestin bersamaan dengan konsep jihad yang dibenarkan di dalam Islam di mana kewajipan berjihad telah menjadi fardhu ain apabila telah diserang oleh musuh.<sup>65</sup>

Hal ini dinyatakan di dalam al-Quran :

Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh) , kerana sesungguhnya mereka telah dianiyai, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). laitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata : Tuhan Kami ialah Allah.<sup>66</sup>

Malah hadis nabi S.A.W juga menyebut

Dari Abdullah bin Amru katanya: Aku mendengar Rasulallah SAW: bersabda: Sesiapa yang dibunuh kerana mempertahankan hartanya maka adalah syahid.<sup>67</sup>

Tokoh ulama terkemuka iaitu Syeikh Yusuf al-Qardawi juga turut menyokong tindakan yang dilakukan oleh aliran kumpuan Islam dan beliau berpendapat bahawa perbuatan tersebut bukanlah membunuh diri tetapi adalah satu operasi syahid.<sup>68</sup> Qardawi juga turut berfatwa bahawa pembabitan wanita di dalam operasi serangan berani mati adalah dibolehkan walaupun tanpa mendapat kebenaran suami atau walinya memandangkan ia adalah jihad bagi mempertahankan negara Islam yang diserang dan dijajah oleh golongan kuffar. Bahkan diharuskan untuk membuka aurat sekiranya diperlukan berbuat demikian dan ia dikategorikan sebagai dharurat.<sup>69</sup>

Walau bagaimanapun di dalam hal ini, Syeikh Ahmad Yassin telah menegaskan bahawa peperangan jihad dengan Israel bukanlah disebabkan kerana mereka adalah Yahudi tetapi kerana mereka telah mengambil hak, tanah dan rumah rakyat Palestin.<sup>70</sup> Bahkan Hamas bersetuju dengan perdamaian dan berusaha merealisasikan perdamaian. Tetapi persetujuan Hamas dengan perdamaian hanyalah kepada perdamaian yang adil yang dapat mengembalikan seluruh hak-hak bangsa Palestin serta mengembalikan semula mereka ke tanah air selain dapat menentukan sendiri nasib mereka.<sup>71</sup>

Ternyata sentimen keagamaan yang diguna bagi menentang Yahudi telah memberi satu impak yang besar apabila ramai rakyat Palestin terkesan dengan ideologi aliran Islam yang berpegang dengan mati untuk melawan Israel dikategorikan sebagai mati syahid dan mendapat pelbagai tawaran serta ganjaran daripada Allah seperti pengampunan dosa, pencurahan rahmat, dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir dibawahnya beberapa sungai dan tempat tinggal yang

baik di dalam syurga Jannatu Adn.<sup>72</sup> Penyataan ini telah menyemarakkan semangat rakyat Palestin terutamanya golongan belia untuk tampil melakukan serangan tersebut. Malah perkataan syahid sering menjadi sebutan hatta oleh kanak-kanak sekalipun mereka tidak mengetahui maksud tersebut.

Biarpun terdapat sebahagian golongan yang tidak menyetujui istilah mati syahid yang dipegang oleh kumpulan aliran Islam lantaran tindakan serangan berani mati turut membabitkan golongan awam seperti wanita, kanak-kanak serta orang tua Israel yang disifatkan sebagai tidak wajar dan berdosa seperti fatwa Sayyid Mohamed Tantawi yang menganggap ia syahid sekiranya mengorbankan diri bersama-sama dengan orang yang melakukan perang tetapi tidak dianggap demikian sekiranya membabitkan orang yang orang yang tidak melibatkan diri di dalam perang seperti wanita dan kanak-kanak.<sup>73</sup> Namun bagi aliran kumpulan Islam Palestin, mereka tetap mempertahankannya sebagai satu jihad di dalam Islam. Keyakinan mereka adalah didasarkan kepada serangan berani mati merupakan satu tindakan dan hak untuk mempertahankan diri yang mana hak tersebut dibenarkan di dalam Islam serta merupakan simbol kepada penentangan lantaran Israel merampas tanah rakyat Palestin yang membawa kepada penjajahan dan pendudukan.<sup>74</sup>

Imbangan kekuatan yang tidak setimpal di antara rakyat Palestin yang cuma berbekalkan senjata sederhana berbanding tentera Israel yang memiliki senjata canggih sudah tentunya menuntut rakyat Palestin melakukan serangan berani mati sebagai satu tuntutan untuk mempertahankan diri dan cuba mengimbangi kekuatan tentera Israel. Malah sasaran yang dilakukan terhadap orang awam dibuat kerana

melihat semua rakyat Israel berpotensi untuk menjadi pejuang Israel kerana negara Israel menuntut setiap rakyatnya berkhidmat sebagai tentera,<sup>75</sup> di samping turut bersubahat dengan tentera Israel apabila mereka merampas rumah serta harta rakyat Palestin dengan kekerasan. Sekiranya ditinjau nyata Israel lebih banyak melakukan keganasan apabila jumlah tentera Israel membunuh wanita serta kanak-kanak Palestin adalah jauh lebih banyak lagi.<sup>76</sup>

Oleh itu, isu rakyat Palestin melakukan serangan keganasan tidak perlu timbul kerana mereka berbuat demikian untuk mempertahankan hak dan diri mereka daripada diserang. Keadaan rakyat Palestin tidak sama dengan golongan radikal Islam di sesetengah negara yang layak digelar pengganas apabila sengaja mencetuskan huru-hara tanpa sebab yang sewajarnya.

Walaupun kekurangan segala senjata peperangan, pejuang Islam Palestin tidak merasa gentar kerana bagi mereka kemenangan adalah datangnya daripada Allah dan ia akan berpihak kepada Muslim yang jujur. Kemenangan kumpulan Hizbullah di Lubnan yang turut berpegang dengan jihad melawan tentera Israel telah membuktikan hal ini. Lantaran itu, golongan aliran Islam tidak merasakan kekurangan senjata akan membawa kepada kekalahan kerana berbekalkan semangat jihad yang tinggi mereka yakin dengan pertolongan Allah. Ia bukanlah operasi bunuh diri tetapi sebaliknya adalah operasi syahid dan kematian mereka amat bermakna seperti janji Allah di dalam al- Quran:

Janganlah kamu menganggap orang-orang yang terbunuh di jalan Allah itu mati. Tidak! Mereka itu hidup , mereka mendapat rezeki di sisi tuhan.<sup>77</sup>

#### **4.3.1.2 Tradisi Menuntut Bela**

Selain jihad, serangan berani mati yang dilakukan oleh rakyat Palestin juga adalah dikaitkan dengan tuntutan menuntut bela dan ia dilakukan sebagai simbol kasih serta pengembalian semula maruah orang yang dibunuh. Tindakan ini biasanya dilakukan oleh individu-individu yang bertindak sendirian dan terdiri daripada anggota keluarga terdekat bagi orang yang dibunuh. Walau bagaimanapun terdapat juga dari anggota kumpulan tertentu seperti PFLP yang melakukan aksi serangan berani mati kerana menuntut bela dan membala kekejaman Israel kerana kematian pemimpin mereka. Malah sebenarnya tradisi menuntut bela sudah lama berlaku iaitu semenjak zaman Jahiliyah lagi dan bagi rakyat Palestin yang melakukannya ia adalah kesinambungan daripada tradisi tersebut.

Sungguhpun hidup dalam suasana yang tertekan dengan kekejaman dan penindasan daripada tentera Israel telah menjadi satu pengalaman rutin buat rakyat Palestin namun mengetahui keluarga atau orang terdekat dibunuh oleh tentera Israel pastinya melampaui tahap kesabaran . Keadaan inilah yang menimbulkan dorongan bagi rakyat Palestin untuk menuntut bela samada dengan menyertai kumpulan tertentu atau bertindak secara individu untuk melancarkan serangan berani mati. Malah terdapat sesetengah kes di mana tindakan menuntut bela yang dilakukan amat sukar untuk dikesan dan jauh sekali untuk diduga memandangkan pengebom berani mati tersebut mempunyai taraf serta kedudukan yang baik seperti mempunyai pekerjaan, keluarga yang bahagia dan sebagainya.

Walau bagaimanapun tekanan perasaan melihat ketidakadilan berlaku terhadap saudara mara mereka memaksa mereka untuk berbuat demikian. Hal ini seperti yang terjadi kepada pengebom berani mati wanita iaitu Hanadi Jaradat, seorang peguam yang mempunyai kehidupan yang baik tetapi mengambil tindakan untuk melakukan serangan berani mati sebagai membala dendam terhadap kematian abang serta sepupunya yang ditembak oleh Israel.<sup>78</sup> Ini cuma satu daripada pelbagai kisah rakyat Palestin menuntut bela tetapi hakikatnya rakyat Palestin mempunyai pelbagai sebab untuk berbuat demikian.

Tindakan yang dilakukan walaupun tidak dapat menjadikan keadaan seperti asal namun sekurang-kurangnya ia memberi satu tekanan buat tentera Israel selain memperlihatkan rakyat Palestin bukannya hanya akan mendiamkan diri tanpa berbuat sesuatu apabila diperlakukan dengan sewenag-wenangnya. Malah sikap tuntut bela inilah secara tidak langsung menaikkan imej sesuatu kumpulan dengan kegiatan yang dilakukan. PFLP melalui Briged Ali Mustafa misalnya telah berjaya meningkatkan perjuangannya apabila membunuh Menteri Pelancongan Israel Rehavam Ze'evi dalam siri keganasan selepas kematian setiausaha umum kumpulan tersebut.<sup>79</sup>

#### **4.3.1.3 Putus Harapan dan Pengembalian Maruah**

Setelah berada lebih 50 tahun di bawah penguasaan Israel, keadaan rakyat Palestin masih tetap sama samada kepimpinan Israel di bawah pemerintahan Parti Likud atau Buruh. Malah ia menjadi semakin buruk apabila Ariel Sharon memegang tampuk

pemerintahan Israel yang banyak melakukan kekejaman diluar batasan kemanusiaan.

Untuk itu, persoalan mengapa rakyat Palestin semakin giat mencetuskan serangan berani mati walaupun dikecam masyarakat Barat telah menemui jawapannya apabila ia menunjukkan Israel sendiri adalah bertanggung jawab serta penyebab kepada kejadian tersebut. Pemerintahan Israel dan keganasannya telah memberi motivasi kepada rakyat Palestin untuk melakukan serangan secara begini dan ia adalah satu-satunya senjata yang tinggal kepada mereka setelah melihat imbalan kekuatan yang tidak setara di antara keduanya.

Keadaan ini menunjukkan serangan berani mati yang dilakukan bukannya semata-mata di atas dorongan keagamaan bahkan ia merupakan satu bentuk luahan dan penyataan penderitaan di atas pengalaman yang dilalui di bawah keganasan tentera Israel. Berdepan dengan penindasan yang tidak berakhir seperti kemusnahan, pencerobohan , gangguan serta penghinaan menyebabkan rakyat Palestin mengakhiri penghidupan dengan cara melakukan serangan berani mati yang dilihat lebih baik daripada mati ditembak oleh tentera Israel.<sup>80</sup> Ini kerana pemerintahan Ariel Sharon hanya memberi dua pilihan kepada rakyat Palestin samada mati bukan secara pejuang atau sebaliknya.<sup>81</sup>

Walaupun Sharon serta pemimpin Barat yang lain seperti George W . Bush ( Presiden Amerika Syarikat), Tony Blair ( Perdana Menteri Britain), dan John Howard (Perdana Menteri Australia) menyifatkan tindakan yang dilakukan oleh pengebom berani mati sebagai pesakit mental namun ini dapat dipertikaikan apabila

hasil dari penelitian membuktikan bahawa pengebom berani mati tersebut bukanlah pesakit mental tetapi mereka yang dipenuhi dengan sifat putus asa, kehilangan harapan, kerisauan terhadap masa depan, dan keinginan untuk mempertahan diri<sup>82</sup> yang menyebabkan mereka telah mengambil tindakan tersebut. Hal ini terjadi kerana mereka membesar dengan persekitaran tersebut di samping melihat kegagalan di dalam perundingan yang memaksa mereka untuk membuat serangan berani mati sebagai jalan terakhir bagi mendapat kehidupan yang lebih baik. Kerana itu, sejumlah 64% daripada profil pengebom berani mati yang dikeluarkan semenjak daripada perjanjian Oslo terdiri daripada mereka yang berumur 18-23 tahun.<sup>83</sup>

Realitinya rakyat Palestin memang terpaksa bertindak bersendirian dengan melakukan serangan berani mati bagi mengekang penindasan Yahudi memandangkan pihak berkuasa Israel terlalu kebal di dunia. Undang-undang antarabangsa tidak dapat menekan mereka kerana pengaruh yang dimiliki mereka. Malah mereka boleh melaksanakan apa saja undang-undang, hukuman dan tindakan mengikut keperluan mereka sendiri tanpa terikat dengan apa-apa tekanan atau tindak balas.<sup>84</sup>

#### **4.4 Kesimpulan**

Mencari penyelesaian terhadap konflik Palestin – Israel melalui perjuangan bersenjata dan secara kekerasan telah menjadi satu bentuk pendekatan yang paling popular di kalangan rakyat Palestin apabila jumlah keterlibatan yang menyertai operasi tersebut meningkat terutamanya di dalam tiga tahun kebelakangan ini samada penyertaan mereka di dalam kumpulan aliran Islam ataupun nasional .

Merasakan terus menerus tidak mendapat keadilan, rakyat Palestin telah mencipta suasana peperangan baru dengan menggunakan manusia sebagai senjata bagi melancarkan serangan berani mati yang turut membabitkan wanita dan kanak-kanak. Golongan tersebut telah menjadi simbol keberanian rakyat Palestin yang tertindas di dalam menentang kekejaman pihak berkuasa Israel.

Ternyata serangan tersebut sekurang-kurangnya telah berupaya mencipta suasana kekalutan terhadap pihak berkuasa Israel memandangkan ia sukar untuk dijangka dan berlaku tanpa mengira tempat, masa atau mangsa. Kegiatan seumpama ini dipergiatkan lagi apabila ia dikaitkan dengan jihad yang merupakan satu kewajipan bagi umat Islam untuk melakukannya. Walaupun aliran kumpulan Islam cuba mengelakkan sasaran terhadap orang awam namun di dalam peperangan ia sukar untuk dijangka tambahan pula orang awam Israel juga turut bersubahat dengan tenteranya untuk menindas rakyat Palestin. Malah serangan berbentuk kekerasan akan diteruskan selagi rakyat Palestin tertindas dan sejarah peradaban manusia sendiri membuktikan selagi manusia itu terjajah maka selagi itulah rakyatnya akan berusaha untuk membebaskan diri daripada penjajahan.

## NOTA HUJUNG

1. Ziad Abu-Amr , *Islamic Fundamentalism in the West Bank and Gaza, Muslim Brotherhood and Islamic Jihad*, USA: Indiana University Press , 1994, hlm 66
2. \_\_\_\_\_, "HAMAS: A Historical and Political Background", *Journal of Palestine Studies* ,Vol. XX11, Summer 1993, hlm. 5
3. Buma Zuckerbort. *A Guide to Hamas*, April 1996, <<http://www.jewishpost.com/jp0203/jpn0303.html>>, (4.9.2003)
4. Musa K.Budeiri, "The Nationalist Dimension Of Islamic Movements in Palestinian Politics", *Journal Of Palestine Studies*, Vol. XX1V , Spring 1995, hlm. 92
5. Muslim Brotherhood Movement , <<http://www.ummah.net/ikhwan/>> (16. 5. 2004)
6. Ziad Abu Amr, "HAMAS: A Historical and Political Background", hal.6
7. \_\_\_\_\_, *Islamic Fundamentalism in the West Bank and Gaza, Muslim Brotherhood and Islamic Jihad*, hlm.17
8. Palestine Report, *Straight From the Mouth of Hamas*, 16 Januari 1998, Vol. 4 no.31<<http://www.jmcc.org/media/report/98/Jan/3b.htm>> (4.9.2003)
9. Buma Zuckerbort. *A Guide to Hamas*, April 1996, <<http://www.jewishpost.com/jp0203/jpn0303.html>>, (4.9.2003)
10. Karen Armstrong, *Berperang Demi Tuhan, Fundamentalisme dalam Islam, Kristen dan Yahudi*, Bandung:PT Serambi Ilmu Sastera, dan Penerbit Mizan, 2000 hlm. 557
11. The American Jewish Committee,*Official Emblem of the Hamas Movement*, 1 Februari 2002,<<http://www.ajc.org/Terrorism/BriefingsDetail.asp?did=22&pid+1055>> (5.9.2003)
12. Council on Foreign Relations, *Hamas, Islamic Jihad, Palestinian Islamist*, <<http://www.terrorismanswers.org/groups/hams3.html>>,( 5.9 2003)

- 
13. "Eric Rouleau "Talks About the Peace Process And Political Islam", *Journal of Palestine Studies* , Vol. XX11 , Summer 1993, hlm. 54
  14. Iyad Barghouti , *The Islamist in Jordan and The Palestinian Occupied Territories, The Islamist Dilemma* , edited by Laura Guazzone, United Kingdom: Garnet Publishing , 1995, hlm 150
  15. Ziad Abu-Amr, "A Historical and Political Background", hlm 12
  16. Ibid.
  17. Council on Foreign Relations, *Hamas, Islamic Jihad, Palestinian Islamist*,<<http://www.terrorismanswer.org/groups/hams3.html>> ( 5.9.2003)
  18. Bluma Zuckerbrot ,*A Guide To Hamas*, <[http://www.jewishpost.com/jp0\\_203/jpn0303.htm](http://www.jewishpost.com/jp0_203/jpn0303.htm)>, (4.9. 2003)
  19. Middle East Digest, *Hamas*, Nov/Dec 1997, Vol.8. No 11 & 12 <<http://www.cdn-friends-isej.ca/medigest/novdec97/hamas.html>> ( 5.9. 2003)
  20. Avishai Margalit, *The Suicide Bombers*, <<http://www.nybooks.com/article/15979>>, (20.9 2003)
  21. Ibid.
  22. Embassy of Israel, *Background Information, Abd. Al Aziz Rantissi*, 12 Jun 1993,<<http://www.israelemb.org/articals/2003/June/2003061201.htm>> ( 29.8 .2003)
  23. CNN.ComWorld, *Israelis Wrestle with Attack Outcome*, 24 Julai 2003, <<http://www.cnn.com/2002/WORLD/meast/07/24/mideat/>>, (20.9.2003)
  24. Council on Foreign Relations,*Hamas , Islamic Jihad, Palestinian Islamist*,<<http://www.terrorismanswer.org/groups/hamas2.html#Q8>>,( 20.9 .2003)
  25. Ziad Abu Amr, "A Historical and Political Background", hal. 9
  26. Ziad Abu Amr, *Islamic Fundamentalism*, hlm.103
  27. Meir litvak, *Palestine Islamic Jihad, Background Information*, published by Tel Aviv University, 28 Nov. 2003, <[http://www.us-israel.org/\\_jsource/Terrorism/tau.56.html](http://www.us-israel.org/_jsource/Terrorism/tau.56.html)>,(4 9.2003)
  28. Ibid.
  29. Ibid.,hlm. 106
  30. Palestine Remembered. Com, *Interview with the General Secretary of the Islamic Jihad Movement in Palestine Dr. Fathi Shikaki*, 14 Ogos

- 
- 2001,<<http://www.palestineremembered.com/al-Ramla/Zarnuqa/>> Story 455.  
htm>, (24.9.2003)
31. David A. Harris, *Islamic Jihad Movement in Palestine*, 18 Julai 2002, <<http://www.acj.org/Terrorism/BriefingsDetail.asp?did=221&pid=1317>>, (24.9.200)
32. Ibid.
33. Reuven Paz, *Palestinian Participation in the Global Islamist Network*, 24 April 2002, <<http://www.ict.org.il/articles/articledet.cfm?articleid=107>>, (30.9.2003)
34. Iyad Barghouti , "The Islamist in Jordan and The Palestinian Occupied Territories", *The Islamist Dilemma* , edited by Laura Guazzone, UK: Garnet Publishing , 1995. hlm.146
35. Ziad Abu-Amr , *Islamic Fundamentalism*, hlm 114
36. Encyclopedia,Fatah,<<http://encyclopedia.thefreedictionary.com/fatah>>(22.. Mei .2003 )
37. Mideastweb, *Fatah*,<<http://www.mideastweb.org/fatah.htm>>( 22 Mei 2003)
38. Israel Defense Forces, *The Tanzim*, <<http://www.idf.il/english/news/tanzim.stm>>, (25.9.2003)
39. Nick Childs , *Tanzim:Shock Troops Of The Uprising*, 17 Oktober 2000, <[http://news.bbc.co.uk/1/hi/in\\_depth/middle\\_east/2001/israel\\_and\\_the\\_palestinians/profiles/976862.stm](http://news.bbc.co.uk/1/hi/in_depth/middle_east/2001/israel_and_the_palestinians/profiles/976862.stm)>, (25.9.2003)
40. The International Policy Institute for Counter Terrorism Israel, *Fatah Tanzim*, <[http://www.ict.org.il/inter\\_ter/orgdet.cfm?orgid=82](http://www.ict.org.il/inter_ter/orgdet.cfm?orgid=82)> (25 .9. 2003)
41. Roni Shaked, *The tanzim:Fatah's Fighters on The Ground*, 3 Oktober 2000, <<http://www.chereteins-et-uifs.org/article.php?voir%5B%5D=1302&voir%5B%5D=3176>>, ( 25.9.2003)
42. Marwan Barghouti, *Fatah-Tanzim, and the Escalation of the Intifada*, Jerusalem, Issue brief, Vol. 1, No. 16, 24 Januari 2002, <<http://www.jcpa.org/art/brief1-16.htm>>, (25 .9.2003)
43. Israel Defence Forces,*The Tanzim*, <<http://www.idf.il/english/news/tanzim.stm>>( 25 .9. 2003)
44. The International Policy Institute for Counter Terrorism Israel ,*Fatah Tanzim, The organization*, [http://www.ict.org.il/inter\\_ter/orgdet.cfm?orgid=82](http://www.ict.org.il/inter_ter/orgdet.cfm?orgid=82), ( 25.9.2003)

- 
45. Israel Defence Forces, *The Tanzim*, <http://www.idf.il/english/news/tanzim.htm>, (25.9.2003)
46. Wikipedia, *Alaqla Martyrs' Brigades*, <[http://www.wikipedia.org/wiki/Al-Aqsa\\_Martyrs\\_Brigade](http://www.wikipedia.org/wiki/Al-Aqsa_Martyrs_Brigade)>, (27.9. 2003)
47. BBC News, *Profile : Al Aqsa Martyrs Brigades*, <[http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/1760492.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/1760492.stm)>, (27.9 2003)
48. Council on Foreign Relations, *al Aqsa Martyrs Brigade, Palestinian Nationalist*, <<http://www.terrorismanswers.com/groups/alaqla.html>> ( 27.9 2003)
49. Ibid.
50. Ibid.
51. Global Exchange, *Worth Noting, Palestinian Comments Despite International Efforts To Bring About Cease Fire*, <<http://www.jafif.org.il/agenda/2001/english/wk27/5.asp>>, ( 29.9.2003)
52. Council on Foreign Relations, *al Aqsa Martyrs Brigade, Palestinian Nationalist*, <<http://www.terrorismanswers.com/groups/alaqla.html>>, ( 27.9.2003)
53. Terrorism: Question & Answer, *Al Aqsa Martyrs Brigade*, <<http://cfrterrorism.org/groups/alaqla2.html>> ( 22 Mei 2004)
54. Yael Shahar, *The al-Aqsa Martyrs Brigades ,A Political Tool with an Edge* <<http://www.ict.org.il/articles/articledet.cfm?articleid=430>> ( 22 Mei 2004)
55. Ideologi ini dibawa oleh Karl Marx dan ia digunakan oleh PFLP bagi membuat revolusi dan perjuangan bersenjata di dalam menentang Yahudi.
56. *PFLP*, <<http://www.ict.org.il/organizations/orgdet.cfm?orgid=31>> Popular Front for the Liberation of Palestine (PFLP) ( 22 Mei 2004)
57. MFA, *Assassination of Minister Rechavam Ze'evy- Background on the PFLP*, 17 Okt. 2001, <<http://www.israel-mfa.gov.il/mfa/go.asp?MFAH0kkg0>>, ( 29 .9. 2003)
58. The International Policy Institute for ounter Terrorism –Israel, *Popular Front for the Liberation of Palestine* , <<http://www.ict.org.il/intertter/orgdet.cfm?orgid=31>>, (29 .9. 2003)
59. “Interview With George Habash” , *Journal Of Palestine Studies*, Vol.XXVIII, Autumn 1998, hlm.93

- 
60. Al Ahram, *Hamas:Resistance is the Potion*, <[http:// weekly. ahram. org.eg /2002/605/ sup51.htm](http://weekly.ahram.org.eg/2002/605/sup51.htm)>, (3.10. 2003)
61. Arjan El Fassed, *Challenges To Oslo : How Strong is The Palestinian Political Opposition*, 1.4.1997,< <http://arjanelfassed. Mediamonitors .org/ameapaper.html>>, (3. 10. 2003)
62. Interview With George Habash ,hlm.97
63. Yaniv Berman and Simon Lassman, *Popular front Calls For National Unity and Supports Continuing The Intifada* , 12 Dis. 2002, <[http://www.themedialine.org/news/news\\_detail.asp?NewsID=912](http://www.themedialine.org/news/news_detail.asp?NewsID=912)>,( 3 10. 2003)
64. Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Memahami Konsep Negara Islam*, <[http://www.abim.org.my/files/Koleksi\\_Kertas\\_Kerja/Ng\\_Islam.pdf](http://www.abim.org.my/files/Koleksi_Kertas_Kerja/Ng_Islam.pdf)>( 22Mei 2004)
65. Amat Juhari Moin, *Jihad dan pengertiannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987. hlm.17
66. Surah al Haj: ayat 39-41
67. Riwayat Muslim di dalam kitab Iman, hadis no. 202
68. Ellia Shuman, *What Makes Suicide Bombers Tick*,<[http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec\\_0049.htm](http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec_0049.htm)>, (3.10.2003)
69. Ahmad Fadhlil Shaari, *Keterlibatan Wanita dalam Serangan Berani Mati: Apa Pandangan Islam?*, 23 Mei 2003 <<http://geocities.com/afadhlis/ilmiah11.htm>>, (5.10.2003)
70. Indomedia. Com, *Kami tak Benci Yahudi sebagai Yahudi*, <<http://www.indomedia.com/bpost/9811/8/In/In2.htm>>(22 mei 2004)
71. Republika Online. *Hamas, Simbol Sebuah Perjuangan* <[http://www.republika.co.id/suplemen/cetak\\_detail.asp?mid=5&id=157300&kat\\_id=105&kat\\_id1=147](http://www.republika.co.id/suplemen/cetak_detail.asp?mid=5&id=157300&kat_id=105&kat_id1=147)>(22 Mei 2004)
72. Amat Juhari Moain, *Jihad dan Pengertiannya*, hlm.70
73. Ellia Shuman, *What Makes Suicide Bombers Tick*,<[http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec\\_0049.htm](http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec_0049.htm)>, (3.10.2003)
74. Tabloid MQ, *Dialog Interaktif dengan Syeikh Ahmad Yassin : Kemenangan Berpihak Kepada Pejuang Muslim Yang Jujur*, <[http://www.mqmedia.com/tabloid\\_mq/jul03/mq-umumduniaislam.htm](http://www.mqmedia.com/tabloid_mq/jul03/mq-umumduniaislam.htm)>, (3.10.2003)

- 
75. William Schneider, *Preserving the Road Map*, 5 Jun 2003,  
<<http://www.aei.org/news/newsId.17580.filternews detail.asp>>, (5.10.2003)
76. Tabloid MQ, *Diaog Interaktif dengan Syeikh Ahmad Yassin : Kemenangan Berpihak Kepada pejuang Muslim Yang jujur*, <[http://www.mqmedia.com/tabloid\\_mq/jul03/mq-umumduniaislam.htm](http://www.mqmedia.com/tabloid_mq/jul03/mq-umumduniaislam.htm)>, (3.10.2003)
77. Surah ali Imran, ayat 169
78. Yasser al- Bana, *Haifa lawyer-bomber Avenged Brother, Cousin*, <<http://www.islamonlinenet/English/News/2003-10/05/article02.shtml>>, (10.6.2003 )
79. MFA, *Assasination of Minister Rechavam Ze'evy, background on the PFLP*, <<http://www.israel-mfa.gov.il/mfa/go.asp?MFAH0kkg>>, ( 3.10.2003)
80. Ellia Shuman, *What Makes Suicide Bombers tick*, <[http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec\\_0049.htm](http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec_0049.htm)>, (3.10.2003)
81. Khaled Amayreh, *Why The Bombings?* 26 Sept.-2 Okt.2002, <<http://weekly.ahram.org.eg/2002/605/sup81.htm>>, (7.10. 2003)
82. Sarina, "Hakikat Skuad Berani Mati", KL: Karangkraf, Nov.2003, hlm.20
83. Ellia Shuman, What Makes Suicide Bombers Tick , <[http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec\\_0049.htm](http://www.israelinsider.com/channels/security/articles/sec_0049.htm)>, (3.10.2003)
84. Ramli Abdul Karim, "Di Mana nilai Nyawa Palestin?" *Mingguan Malaysia*, Ahad , 28 September 2003, hlm. 33